

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pesakit wajib pakai peranti pengesanan pergerakan

Individu rosakkan, hilangkan boleh dikenakan penalti

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruki@bh.com.my

Putrajaya: Pesakit COVID-19 yang menjalani kuarantin di kediaman akan dipakaikan peranti pengesanan dengan teknologi terkini.

Peruntukan berkenaan, iaitu Seksyen 15A, antara lima peruntukan baharu dan lima peruntukan sedia ada dalam Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang dimasukkan dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021, bakal berkuat kuasa

Khamis minggu depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, dalam satu kenyataan media bersama berkata, peruntukan Seksyen 15A itu terpakai dalam pengawasan pergerakan orang yang dijangkiti atau mereka yang disyaki (PUI) dijangkiti penyakit berjangkit atau kontak kepada kes (PUS).

Katanya, seksyen itu memberi kuasa kepada pegawai untuk mengarahkan pesakit menjalani pengesanan bagi pengawasan dan pemerhatian.

Beliau berkata, pemakaian gelang tangan atau gelang pengawasan yang digunakan ketika wabak COVID-19 ini dikuatkuasakan mengikut peraturan 9 (3) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di da-

lam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2020.

"Bawah ordinan ini, penalti akan dikenakan ke atas individu dipakaikan peranti pengesanan atau alat pengesanan ini sekiranya alat itu dimusnahkan, dirosakkan, dihilangkan atau diubah," katanya.

Takiyuddin berkata, berbeza dengan gelang pengawasan yang digunakan ketika ini, peranti pengesanan yang bakal digunakan seperti yang dipasangkan di penjara.

"Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM) akan menyediakan peranti untuk mengesan pergerakan pesakit terbahit," katanya.

Selain itu, Dr Adham berkata, penggunaan peranti tidak dipakaikan bagi pesakit yang menjalani kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) atau di

hospital, sebaliknya mereka akan memakai gelang pengawasan seperti biasa kerana pengawasan di kedua-dua premis itu lebih mudah.

Katanya, ketika ini Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang memuktamadkan jenis peranti bakal diguna pakai, sebelum penguatkuasaannya pada 11 Mac ini.

"Terdapat model yang digunakan di negara luar. MKN akan memuktamadkan jenis peranti itu sebelum 11 Mac ini. Setiap pesakit akan dipakaikan peranti itu selama 10 hari dan ia boleh bertahap untuk tempoh berkenaan," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, 10 peruntukan itu dimasukkan dalam Ordinan Darurat terbahit, berikutan terdapat keperluan segera ketika Proklamasi Darurat yang mengambil masa jika melalui proses biasa seperti

sidang Parlimen.

Beliau berkata, kerajaan mengambil berat dan amat komited kepada usaha berterusan untuk mencegah dan mengawal penularan wabak COVID-19, manakala penguatkuasaan undang-undang sepanjang tempoh wabak berperanan penting dalam melancarkan pelaksanaan kawalan dan pencegahan penularan jangkitan COVID-19 di dalam negara.

Katanya, banyak peraturan baharu bawah Akta 342 sudah digubal yang hanya berkuat kuasa bagi satu tempoh yang dinyatakan mengikut subseksyen 11(1) berkaitan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan.

"Antara peraturan yang dibuat adalah berkaitan langkah-langkah di dalam kawasan tempat jangkitan; penetapan fi dan caj; serta layanan perubahan dan penyediaan orang yang dipindahkan ke stesen kuarantin," katanya.



Dr Adham dan Takiyuddin pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Denda RM50,000 potong giliran

Putrajaya: Individu yang melompat giliran bagi cuba mendapatkan vaksin COVID-19 dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang sedang berlangsung ketika ini berdepan denda maksimum RM50,000 atau penjara hingga enam bulan, atau kedua-duanya.

Isa susulan penguatkuasaan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 yang akan berkuat kuasa pada 11 Mac ini, yang turut menyertakan 10 peruntukan, termasuk lima peruntukan sedia ada dalam Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) boleh menggunakan Seksyen 31 yang memberi kuasa untuk mengenakan penalti mengikut Akta 342 bagi kesalahan yang tidak dinyatakan dalam akta berkenaan.

"Peraturan bawah subseksyen

baharu ini boleh menetapkan perbuatan yang melanggar peraturan dalam Akta 342 menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya.

"Kita ada Seksyen 21A yang dipanggil peruntukan baharu, (memberi) kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan, membolehkannya mengeluarkan apa-apa cara, cara yang hendak dibuat.

"Sebagai contoh, seseorang dijadualkan mengambil pelalian, tetapi mereka tidak datang (tanpa alasan munasabah) atau kita beri nama untuk mendapat suntikan pada tarikh tertentu, tetapi dia tiba-tiba potong giliran," katanya pada sidang media bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Dr Adham berkata, tindakan itu boleh dikeluarkan dengan

arahan Ketua Pengarah Kesihatan.

Setakat ini, KKM belum menerima laporan rasmi membatik mana-mana individu memotong giliran untuk mendapatkan vaksin.

Selain 10 peruntukan baharu dan sedia ada dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021, ia antara lain turut memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan mengikut akta induk, Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Seksyen 21A, iaitu Arahan Ketua Pengarah, membolehkan Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan sebarang arahan bagi pencegahan dan pengawasan pesakit berjangkit.

"Ketika wabak COVID-19, kuasa Ketua Pengarah Kesihatan hanya diperuntukkan di bawah Peraturan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.